

03 MAR 1998

SUMITOMO LABUR RM7.2 JUTA UNTUK PUSAT R&D

SEREMBAN, 3 Mac (Bernama) -- Sumitomo Chemical Enviro-Agro Asia Pacific Sdn Bhd telah melabur RM7.2 juta untuk menubuhkan sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Taman Perindustrian Senawang dekat sini.

Seorang pengarah Sumitomo Chemical Co Ltd Japan, Masaaki Nagao berkata melalui kemudahan-kemudahan penyelidikan yang maju dan canggih, syarikat akan menjamin perkhidmatan teknikal yang cepat dan bermutu bagi memenuhi keperluan para pengguna dan industri di seluruh dunia.

Syarikat itu akan memainkan peranan yang penting bagi perniagaan kimia isirumah dan kesihatan umum yang berkhidmat kepada kawasan-kawasan Asia dan Pasifik yang sedang berkembang pesat.

Belia berkata demikian pada pembukaan rasmi Sumitomo Chemical Enviro-Agro Asia Pacific oleh Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad hari ini.

Sumitomo Chemical Enviro-Agro Asia Pacific ditubuhkan di Malaysia pada Oktober 1996 sebagai syarikat R&D pertama dalam kimia isirumah dan kesihatan umum di dunia bagi Sumitomo Chemical Co Ltd di luar Jepun.

Syarikat itu mempunyai modal dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal berbayar RM5 juta.

Nagao berkata kerja-kerja penyelidikan telah membawa pengaruh yang positif ke atas mengawal selia spesifikasi perindustrian yang telah dibuat untuk julung-julung kali di dunia bagi racun serangga isirumah oleh Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian (SIRIM).

Standard Malaysia telah diguna pakai oleh banyak negara lain sebagai standard perindustrian mereka dan juga oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Kami di Sumitomo berbangga bermatlamat untuk makmal ini menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan dunia bagi kimia isirumah dan kesihatan umum di masa terdekat," tambahnya.

Sementara itu, Mohd Isa berkata empat buah projek dilancarkan oleh syarikat-syarikat Jepun di Negeri Sembilan tahun lalu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM115.1 juta. Kerajaan negeri akan terus memberikan prasarana asas, bantuan dan nasihat untuk mengekal dan mempertingkatkan lagi iklim pelaburan di negeri ini, tambah beliau.

"Kami komited untuk mencapai status perindustrian menjelang tahun 2020 seperti diharapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Sejajar dengan ini, langkah-langkah diambil baru-baru ini termasuk menggalakkan lebih banyak penggunaan tempatan input dalam negeri, meningkatkan produktiviti dan daya saing, mengurangkan kadar cukai korporat dan kelonggaran selanjutnya pemilikan ekuiti asing di dalam syarikat-syarikat Malaysia.

"Kesemua ini membolehkan negeri ini menjadi salah satu daripada destinasi bagi para pelabur yang paling menarik di negara ini," katanya. --

BERNAMA

RP OS